ZUBEYDAH SHAIK MOHD

lwn.

KALAICHELVAN ALAGAPAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[SAMAN PEMULA NO: S4-24-967-2000]
28 NOVEMBER 2002

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Peninggalan agama Islam - Peninggalan melalui akuan berkanun - Sama ada tidak sah - Status agama orang Islam - Sama ada hanya boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah - Perkahwinan dengan pasangan bukan Islam sebelum status disahkan oleh Mahkamah Syariah - Sama ada tidak sah dan batal - Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s. 3(3)*

Defendan kedua dalam kes ini, Siti Mariam bt Mohd Ismail, ketika berusia 22 tahun 7 bulan, telah memeterai satu akuan berkanun menyatakan bahawa beliau telah meninggalkan agama Islam dan memeluk agama Hindu. Berikutnya, defendan kedua berkahwin dengan defendan pertama, seorang lelaki beragama Hindu, dan mendaftarkan perkahwinannya di hadapan defendan ketiga, Penolong Pendaftar Perkahwinan Malaysia Hindu Sangam, berdasarkan peruntukan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('Akta 164'). Plaintif, ibu defendan kedua, mengatakan bahawa peninggalan agama Islam oleh defendan kedua adalah tidak sah di sisi undang-undang, dan dengan itu memohon deklarasi bahawa defendan kedua masih lagi beragama Islam, bahawa perkahwinannya dengan defendan pertama adalah tidak sah dan batal dan bahawa defendan ketiga tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan upacara perkahwinan di antara defendan pertama dan kedua. Defendan-defendan membangkitkan isu bahawa plaintif, dalam halkeadaan kes, tidak mempunyai *locus standi* untuk memohon deklarasi.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

[1] Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa untuk menentukan sama ada, dengan pengisytiharan melalui akuan berkanunnya itu, defendan kedua telah terkeluar dari agama Islam ataupun tidak. Kuasa untuk menentukannya adalah terletak kepada Mahkamah Syariah. (ms 844 g)

[2] Berikutan pengisytiharannya bahawa beliau telah memeluk agama Hindu, adalah perlu untuk defendan kedua mendapatkan pengesahan Mahkamah

Syariah di tempat beliau bermastautin untuk menentukan statusnya. Selagi beliau tidak berbuat demikian atau selagi Mahkamah Syariah tidak membuat apa-apa perintah mengenainya, defendan kedua tidak boleh mengatakan bahawa beliau tidak lagi beragama Islam. (ms 847 c-d)

[3] Memandangkan tidak ada pengesahan daripada Mahkamah Syariah bahawa defendan kedua telah keluar dari agama Islam atau telah murtad, maka plaintif, sebagai ibu kandung defendan kedua, mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan di sini. Plaintif mempunyai hak dan kepentingan terhadap defendan kedua kerana beliau merupakan waris yang sah kepada defendan kedua. (ms 847 e-f)

[4] Defendan kedua tidak boleh melangsungkan upacara atau mendaftarkan perkahwinannya di bawah Akta 164. Ini kerana defendan kedua masih boleh dianggap sebagai seorang Islam dan s. 3(3) Akta 164 jelas melarang seorang Islam dari melangsungkan upacara atau mendaftar perkahwinannya di bawah Akta tersebut. (ms 848 a-c)

Kes-kes yang dirujuk:

Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor [1991] 3 CLJ 2768 SC ***(diikuti)***

Kamariah Ali lwn. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Yang Lain [2002] 3 CLJ 766 HC ***(diikuti)***

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v. Hun Mun Meng [1993] 1 CLJ 176 HC ***(diikuti)***

Md Hakim Lee v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [1997] 4 CLJ Supp 419 HC ***(diikuti)***

Mohamed Habibullah Mahmood v. Faridah Dato' Talib [1993] 1 CLJ 264 SC ***(diikuti)***

Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah [1999] 2 CLJ 5 SC ***(diikuti)***

Tan Sung Mooi v. Too Miew Kim [1994] 3 CLJ 708 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, s. 3(3)

Bagi pihak plaintif - Fazaruddinsujairi Md Radzi; T/n Mohamed Hanipa & Assocs
Bagi pihak defendan pertama dan kedua - D Kalaimany; T/n Kalai & Partners
Bagi pihak defendan ketiga - Anthony Joseph Param; T/n Muthuvelu Param Rodin & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Rauf Sharif H:

Plaintif adalah seorang yang beragama Islam. Defendan kedua merupakan anak kandung plaintif dan telah dibesarkan di dalam suasana keluarga Islam dan membawa nama Siti Mariam Mohamad Ismail. Pada 25 Oktober 1997, ketika berumur 22 tahun 7 bulan, defendan kedua telah meninggalkan rumah keluarganya tanpa apa-apa pesan atau berita sehinggalah dijumpai oleh abangnya di Subang Jaya pada 25 Januari 2000. Defendan kedua didapati sedang tinggal dengan defendan pertama, seorang yang berbangsa India yang beragama Hindu. Juga didapati bahawa defendan kedua sebelum itu telah pada 14 Januari 1999 menukar nama dalam kad pengenalannya daripada Siti Mariam Mohamad Ismail kepada M Tarini. Defendan kedua juga telah pada 15 Februari 1999 membuat surat akuan berkanun mengikrarkan bahawa beliau telah menukar agama daripada Islam kepada Hindu. Untuk menjadi jelas diperturunkan surat akuan berkanun tersebut yang berbunyi:

Surat Akuan Negeri Selangor Darul Ehsan

Saya Siti Mariam binti Mohd Ismail No. K/P: A 2998614/750307-06-5048 alamatnya No. 14A-3, Tingkat 2, Jalan 14/20, 46100 Petaling Jaya, Selangor sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya dilahirkan sebagai seorang India Muslim dan saya dengan ini tanpa sebarang paksaan dan diatas kehendak saya sendiri memeluk ugama Hindu dan selepas ini segala perkara yang berkaitan dengan ugama, undang-undang Ugama Hindu sahaja yang akan terpakai pada diri saya dalam semua hal berkaitan dengan ugama.

2. Berikutan dengan ini saya membuat pilihan ugama sendiri di bawah Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan membuat lapuran di bawah seksyen 13 Kaedah Pendaftaran Negara 1960 untuk "Absolutely renounce and abandon the use of nama saya yang tersebut di atas dan mengambil nama baru seperti yang berikut:

Siti Mariam binti Mohamed Ismail ditukar kepada "M. Tarini"

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut undang-undang Surat Akuan, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas

laitu Siti Mariam binti Mohamed Ismail)

(A2998614 / 750307-06-5048))
di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan)
pada 15hb Februari 1999.)
Di hadapan saya
t.t.
T. Vijeya Murugasu Pesuruhjaya Sumpah.

Pada hari yang sama defendan kedua telah mendaftarkan perkahwinannya dengan defendan pertama di hadapan Penolong Pendaftar Perkahwinan Malaysia Hindu Sangam, iaitu defendan ketiga di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (selepas ini disebut Akta 164).

Berbangkit daripada fakta-fakta tersebut di atas, plaintif, sebagai ibu kandung kepada defendan kedua telah memfailkan Saman Pemula ini (kandungan 1) pada 26 April 2000 untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) Deklarasi bahawa defendan kedua masih beragama Islam;

(b) Deklarasi bahawa perkahwinan di antara defendan pertama dan defendan kedua pada 15 Februari 1999 adalah tidak sah, terbatal dan tidak mempunyai kuasa;

(c) Deklarasi bahawa defendan ketiga tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan perkahwinan dengan defendan pertama dan kedua;

(d) Kos saman ini dibayar oleh defendan-defendan; dan

(e) Lain-lain relief yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

Peruntukan undang-undang yang melarang seseorang Islam daripada melangsungkan upacara atau mendaftarkan perkahwinannya di bawah Akta 164 adalah jelas. Seksyen 3(3) Akta 164 memperuntukkan:

> 3(3) This Act shall not apply to a Muslim or to any person who is married under Muslim law and no marriage of one of the parties which professes the religion of Islam shall be solemnized or registered under this Act;

Peruntukan s. 3 tersebut telah pernah dibincangkan oleh Mahkamah Agong (pada ketika itu) di dalam kes *Tan Sung Mooi v. Too Miew Kim* [1994] 3 CLJ 708, di mana Mohamed Dzaiddin HMP (beliau ketika itu) bagi Mahkamah Agong telah memutuskan seperti berikut:

> The Legislative intention of section 3 must be construed within the framework and the general purpose of the Act. With that in mind, the Legislature by enacting section 3 clearly intended to specify the persons to whom the Act

a applies or does not apply ... Section 3(3) provides that the Act shall not apply to Muslims or Muslim marriages and that only non-Muslim marriages may be solemnized or registered. This clearly means that the Act only applies to non-Muslim and non Muslim marriages.

b Jadi, amatlah jelas bahawa seseorang Islam tidak boleh melangsungkan upacara atau mendaftarkan perkahwinannya di bawah Akta 164. Perkara inilah yang menjadi teras penghujahan peguam plaintif atas fakta bahawa defendan kedua adalah masih beragama Islam. Menurut peguam plaintif bahawa pengisytiharan melalui akuan berkanun yang dibuat oleh defendan kedua adalah tidak konklusif untuk mengatakan defendan kedua tidak lagi beragama Islam.

c Peguam defendan pertama dan kedua disamping menyangkal bahawa defendan kedua adalah dan masih beragama Islam, telah berhujah bahawa memandangkan perkara-perkara yang dipohon oleh plaintif adalah bersifat relief deklarasi maka plaintif perlu menunjukkan bahawa beliau mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini. Adalah menjadi hujahan peguam defendan pertama d dan kedua, bahawa plaintif tidak mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini kerana plaintif dalam kapasiti sebagai ibu defendan kedua tidak lagi berhak menentukan agama defendan kedua memandangkan defendan kedua telah dewasa.

e Peguam defendan ketiga pula telah membangkitkan isu samada Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat pengisytiharan seperti yang dipohon oleh plaintif. Menurutnya soalan samada defendan kedua masih beragama Islam atau tidak, seharusnya ditentukan oleh Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil.

f Pada saya soalan samada plaintif mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini akan terjawab apabila status agama defendan kedua dapat ditentukan. Persoalan utama perlu diputuskan ialah samada defendan kedua telah terkeluar daripada agama Islam atau telah menjadi murtad berikutan pengisytiharan yang beliau buat bahawa beliau telah memeluk agama Hindu. g Tidak boleh dinafikan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidangkuasa untuk menentukan samada seorang Islam itu telah terkeluar dari agama Islam atau telah menjadi murtad. Kuasa itu adalah di bidangkuasa Mahkamah Syariah. Ini sememanglah begitu kerana soal samada seseorang Islam telah terkeluar daripada agamanya atau menjadi murtad merupakan isu yang serius yang hanya h boleh ditentukan oleh pakar-pakar yang berkelayakan dalam bidang Perundangan Islam. Di dalam kes *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah* [1999] 2 CLJ 5 Mahkamah Persekutuan dengan jelasnya telah memutuskan bahawa permohonan untuk suatu pengisytiharan

i

bahawa perayu bukan lagi seorang Islam terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan bukan Mahkamah Tinggi. Sebabnya seperti yang dinyatakan oleh Mohamed Dzaiddin HMP (pada masa itu) ialah:

> Our reason for this being that the determination of a Muslim convert's conversion out of Islam involves inquiring into the validity of this purported renunciation of Islam under Islamic law in accordance with hukum Syarak which only the Syariah Courts are the experts and appropriate to adjudicate.

Perkara yang sama telah diputuskan di dalam kes *Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor* [1991] 3 CLJ 2768 di mana Mohamed Yusoff SCJ dalam penghakimannya dalam membincangkan samada Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa untuk mengisytiharkan seseorang itu telah murtad telah menyatakan seperti berikut:

> Such a serious issues would, to my mind, need consideration by eminent jurists who are properly qualified in the field of Islamic jurisdiction.
>
> On this view it is imperative and the determination of the question in issue require substantial consideration of the Islamic law by relevant jurist qualified to do so.

Apa yang dikatakan oleh Mohamed Yusoff SCJ, seperti di atas telah diterimapakai oleh Gunn Chit Tuan HMA (pada masa itu) di dalam kes *Mohamed Habibullah Mahmood v. Faridah bt. Dato' Talib* [1993] 1 CLJ 264 yang antara lain berkata:

> With respect to the submission of Balwant Singh Sidhu regarding whether the plaintiff could be considered apostate, reference ought to be made to the dictum of Mohamed Yusoff SCJ (as he then was) in the recent decision of this Court in *Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor*. when he pointed out that in determining whether a Muslim has renounced Islam, the only forum qualified to answer the question is the Syariah Court.

Di dalam kes yang terbaharu, mengenai isu yang sama, Abdul Hamid bin Mohamed HMR, di dalam kes *Kamariah Ali lwn. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & yang lain* [2002] 3 CLJ 766 telah dengan jelasnya memutuskan bahawa pengisytiharan bahawa perayu bukan lagi seorang Islam terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan bukan Mahkamah Tinggi.

Dengan kedudukan undang-undang yang sedemikian, maka timbul pula persoalan mengenai kedudukan seseorang Islam selepas seseorang Islam itu membuat pengisytiharan bahawa beliau telah keluar daripada agama Islam. Adakah seseorang itu akan terus terkeluar daripada agama Islam atau menjadi murtad

setelah membuat pengisytiharan sedemikian. Di dalam kes *Soon Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah* [1994] 1 MLJ 690 semasa kes diperingkat Mahkamah Tinggi Wan Adnan J (pada masa itu) telah memutuskan bahawa:

> It is clear from the fatwa that a Muslim who renounced the Islamic faith by a deed poll or who went through a baptism ceremony to reconvert to Sikhism continues to remain in Islam until a declaration has been made in Syariah Court that he is a murtad.

Isu yang sama juga timbul dalam kes *Md Hakim Lee v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1997[4 CLJ Supp 419. Di dalam kes tersebut plaintif memohon pengisytiharan bahawa beliau telah terkeluar daripada agama Islam melalui akuan berkanun bertarikh 12 Oktober 1995 adalah sah dan beliau tidak perlu mendapat kebenaran defendan untuk murtad dan keluar daripada agama Islam. Abdul Kadir Sulaiman J (pada masa itu) semasa menolak permohonan plaintif dengan kos telah memutuskan bahawa plaintif masih beragama Islam, sehinggalah diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebaliknya.

Didalam kes *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v. Hun Mun Meng* [1993] 1 CLJ 176 sekali lagi soal pengisytiharan oleh seorang Islam yang keluar daripada agama Islam dibincangkan. Di dalam kes tersebut, Nurul Ain Hun Abdulah yang berumur 18 tahun 20 hari telah memeluk agama Islam di Pejabat Kadi Tampin pada 27 May 1992 secara sukarela. Pengislamannya juga telah didaftarkan dalam buku Daftar Memeluk Islam. Walaubagaimanapun dua bulan selepas memeluk Islam, Nurul Ain Hun telah mengadakan satu sidang akhbar untuk menyatakan bahawa beliau ingin keluar daripada Islam serta kembali menganut agama asalnya iaitu agama Buddha. Faiza Tamby Chik J dalam penghakimannya telah menyatakan:

> Saya berpendapat bahawa keputusan Cik Nurul Ain untuk keluar daripada agama Islam melalui affidavit tersebut belumlah disifatkan sebagai muktamad sehinggalah beliau sendiri menyatakan hasratnya sedemikian kepada pemohon dan keputusan tersebut didaftarkan.
>
> Seksen 90(3) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991 dirujuk ... .

YA Hakim Faiza memutuskan bahawa Nurul Ain Hun masih kekal sebagai seorang Islam dan memerintahkan di antara lain supaya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan menyelesaikan perkara akidah Nurul Ain Hun kerana bidangkuasa untuk mendengar perkara berkaitan akidah terletak dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Tinggi.

Kes-kes terdahulu menunjukkah bahawa seseorang yang mengisytiharkan dirinya telah keluar daripada agama Islam perlu mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah. Pengisytiharan melalui surat akuan berkanun, yang mengisytiharkan seseorang itu telah keluar daripada agama Islam adalah tidak memadai untuk menentukan kedudukan seseorang itu samada telah keluar daripada agama Islam atau sebaliknya. Di dalam kes ini, perkara yang sama telah berlaku. Defendan kedua melalui surat akuan berkanun telah membuat pengisytiharan bahawa beliau telah memeluk agama Hindu. Persoalannya adakah dengan pengisytiharan tersebut beliau telah terkeluar dari agama Islam atau masih beragama Islam. Sudah tentu Mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk menentukannya. Kuasa untuk menentukannya adalah Mahkamah Syariah. Oleh itu di dalam kes ini, adalah perlu untuk defendan kedua mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah di tempat beliau bermastautin, untuk menentukan statusnya berikutan dengan pengisytiharan bahawa beliau telah memeluk agama Hindu. Selagi defendan kedua tidak berbuat demikian atau Mahkamah Syariah tidak membuat apa-apa perintah mengenainya, maka defendan kedua tidak boleh mengatakan bahawa beliau tidak lagi beragama Islam. Oleh itu adalah tidak salah untuk plaintif sebagai ibu kandung defendan kedua untuk mendakwa bahawa defendan kedua masih beragama Islam.

Dengan keadaan yang sedemikian, memandangkan tidak ada pengesahan daripada Mahkamah Syariah bahawa defendan kedua telah keluar daripada agama Islam atau murtad, maka adalah menjadi pendapat saya bahawa plaintif sebagai ibu kandung kepada defendan kedua mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini. Pada saya plaintif mempunyai hak dan kepentingan terhadap defendan kedua kerana beliau merupakan waris yang sah kepada defendan kedua. Misalnya jika ditakdirkan defendan kedua meninggal dunia (sebelum plaintif), plaintif adalah mempunyai hak ke atas pusaka anaknya tersebut. Pada saya soal plaintif dalam kapasiti sebagai ibu defendan kedua tidak boleh lagi berhak menentukan agama defendan kedua memandangkan defendan kedua telah dewasa, seperti yang dihujahkan oleh peguamnya, tidak berbangkit, kerana ia bukanlah isu sebenar untuk menentukan *locus standi* plaintif.

Persoalannya sekarang ialah, bolehkah defendan kedua melansungkan upacara atau mendaftarkan perkahwinannya di bawah Akta 164. Melalui fakta kes ini, jelas menunjukkan bahawa plaintif pada hari beliau membuat pengisytiharan melalui akuan berkanun bahawa beliau telah memeluk agama Hindu, telah mengupacarakan dan mendaftarkan perkahwinannya di hadapan defendan ketiga. Bolehkah defendan kedua berbuat demikian? Saya mengatakan tidak boleh. Saya

mengatakan sedemikian kerana defendan kedua masih boleh dianggap seorang Islam. Sepatutnya sebelum defendan kedua mengupacarakan dan mendaftarkan perkahwinannya dengan defendan pertama, beliau perlu terlebih dahulu mendapat penentuan daripada Mahkamah Syariah di tempat beliau bermastautin bahawa beliau bukan lagi seorang Islam. Selagi ianya tidak dilakukan maka, beliau belum boleh mendakwa bahawa beliau telah terkeluar daripada agama Islam. Jadi memandangkan defendan kedua belum disahkan terkeluar daripada agama Islam, maka sudah tentu, beliau tidak boleh melansungkan upacara atau mendaftar perkahwinannya dengan defendan kedua di bawah Akta 164 tersebut. Defendan kedua adalah masih dianggap sebagai seorang Islam. Seksyen 3(3) Akta 164 dengan jelas melarang seorang Islam melangsungkan upacara atau mendaftar perkahwinannya di bawah Akta tersebut. Jadi perkahwinan defendan kedua dengan defendan pertama dengan itu menjadi tidak sah dan terbatal.

Atas alasan-alasan tersebut, saya dengan ini membenarkan permohonan plaintif seperti dinyatakan di atas dengan kos.